

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	10/12/2010

## Cubaan hendak 'kenakan' kerajaan - PM

UM 10/12/2010

PUTRAJAYA 9 Dis. - Datuk Seri Najib Tun Razak percaya tindakan pihak tertentu mengaitkan pertuduhan rasuah ke atas Datuk Seri Dr. Mohamad Khir Toyo sebagai sandiwara Barisan Nasional (BN) merupakan percubaan untuk 'mengekalkan' kerajaan.

Perdana Menteri berkata, ini berlaku apabila ia dijadikan isu politik bahawa seolah-olah kerajaan kononnya tidak serius, cuba menutup atau membuat pendakwaan berpih dalam kes melibatkan bekas Menteri Besar Selangor itu.

"Apa sandiwaranya kalau ia sudah didakwa. Ini bukan boleh dijadikan satu mainan sebab perkara ini sudah diteliti semasak-masaknya oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) sebagai badan bebas dan Peguam Negara bagi pihak yang bebas juga menentukan sama ada ada kes atau tidak," kata beliau.

Perdana Menteri berkata demikian ketika berucap pada majlis Menandatangani Ikrar Memerangi Rasuah oleh Masyarakat Peniaga di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) di sini hari ini.

Beliau mengulas dakwaan parti pembangkang yang secara sinis mengatakan pertuduhan ke atas Mohamad Khir adalah propaganda dan sandiwara BN untuk menghadapi Pilihan Raya Umum ke-13.

Isnin lalu, bekas Menteri Besar Selangor itu didakwa di Mahkamah Sesyen Shah Alam berkaitan transaksi pembelian dua lot tanah dan sebuah rumah dengan harga RM3.2 juta tiga tahun lalu sedangkan nilai pasarannya adalah RM6.5 juta.

Najib berkata, pendakwaan ke atas Mohamad Khir mengikut proses

yang sepatutnya dilalui setelah keputusan dibuat oleh Peguam Negara.

"Kita perlu biarkan proses ini ditentukan oleh mahkamah. Kita tak boleh kata sesiapa itu bersalah atau tidak melainkan mahkamah yang akan tentukan," katanya.

Justeru, Perdana Menteri meminta semua pihak tidak membuat spekulasi mengenai kes tersebut.

"Inilah yang jadi masalah jika buat spekulasi sehingga ia menjadi persepsi sebab pihak berkenaan tak boleh buat tindakan terburu-buru kerana ada implikasi buruk membawa

kes ke mahkamah tetapi kalah.

"Itu (kalah kes) lagi teruk, jadi, sebelum sesuatu kes dibawa ke mahkamah, Peguam Negara dan SPRM mesti yakin mereka mempunyai kes," katanya.

Kata Najib: "Kalau yakinpun, ia perlukan saksi tetapi kalau saksi kemudian tukar pendirian, kes itu kelak boleh ditolak oleh mahkamah.

"Jadi, proses untuk ambil tindakan itupun mesti disemak secara teliti supaya kemungkinan kita (SPRM dan Peguam Negara) menang itu adalah besar."